

14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

Pahang tumpu bangunkan Pahang Barat

KUANTAN – Kerajaan Pahang memberi tumpuan membangunkan daerah Pahang Barat termasuk cadangan penubuhan Majlis Pembangunan Wilayah Pahang Barat Plus selain menghidupkan kembali Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Pahang Barat di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, dia berharap kerajaan Persekutuan melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dapat memberi perhatian dan keutamaan untuk tujuan itu.

Katanya, antara cadangan lain ialah mewujudkan peluang pekerjaan melalui pelaburan projek pembangunan berkaitan pelancongan dan pertanian.

“Dalam tempoh 2018 hingga November tahun ini, nilai pelaburan komited ke daerah Pahang Barat kira-kira RM2.3 bilion daripada jumlah keseluruhan pelaburan di Pahang, RM10.17 bilion.

“Kedudukan Pahang Barat sebagai gerbang kemasyarakatan pelancong ke negeri ini perlu dimanfaatkan bagi



Wan Rosdy (kanan) ketika hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICC) ECER Negeri Pahang, Jumaat lalu.

menarik kedatangan pelancong terutama dari pantai barat Semenanjung Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Jelas Wan Rosdy, Pahang Barat juga berpotensi untuk pembangunan projek pertanian berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi terutama buah-buahan, sayuran dan ternakan.

Katanya, ECERDC telah merangka Pelan Strategik Pembangunan Pahang Barat menerusi tiga kluster ekonomi iaitu pelancongan, pertanian dan infrastruktur.

“Ia termasuk meningkatkan kedatangan pelancong domestik bagi kunjungan harian atau hujung minggu terutamanya dari Lembah Kelang dan cadangan projek perintis pembangunan indus-

tri bio-aromatik di Pusat Bio Herba, Taman Teknologi Raub yang akan dibangunkan menerusi inisiatif pelaburan swasta.

“Pembangunan industri tenusu juga akan terus menjadi tumpuan di daerah Pahang Barat termasuk menjadikan kawasan ternakan tenusu berskala besar dan sederhana di kawasan padang ragut seluas 202.42 hektar milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Lipis,” katanya.

Katanya, di bawah kluster ekonomi infrastruktur, tumpuan terus diberikan antaranya menyiapkan projek Central Spine Road (CSR) Kuala Krai, Kelantan hingga ke Simpang Pelangai, Bentong sepanjang 347 kilometer.